



Kawasan **Ibu Pejabat Kontijen Sarawak** turut dinaiki air akibat hujan lebat berterusan sejak pagi semalam.

# Banjir keempat dalam 2 bulan

» **Paras air naik mendadak sejak jam 6 pagi**

Oleh **Mohd Roji Kawi dan Nurul Hidayah Bahaudin**  
bhnews@bh.com.my

► **Kuching**

**H**anya selepas beberapa hari surut, beberapa kawasan di sekitar bandar raya ini sekali lagi dilanda banjir, kali keempat dalam tempoh tidak sampai dua bulan.

Bencana semalam akibat hujan lebat berterusan sejak kira-kira jam 3 pagi semalam, menyebabkan sebahagian besar kawasan rendah ditenggelami banjir. Ia kejadian keempat selepas kali pertama pada 1 Januari lalu, disusuli banjir kedua bermula 8 Februari dan ketiga bermula 20 Februari lalu.

Paras air meningkat mendadak bermula jam 6 pagi dengan kawasan terjejas termasuk Jalan Tabuan, Jalan Padungan, Jalan

Mendu, Jalan Wan Alwi, Jalan Badruddin, Jalan Rock, Kampung Tabuan Dayak, Kampung Selipar Putus, Kuching dan Taman Malilah.

Banjir bukan sahaja menyebabkan rumah penduduk ditenggelami air sehingga paras pinggang, malah beberapa pejabat kerajaan, termasuk Hospital Umum Sarawak (HUS), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak serta kuarters Balai Bomba dan Penyelamat Batu Lintang, selain hotel turut dinaiki air.

**Hujan luar biasa**

Bencana terbaru dipercayai kerana taburan hujan luar biasa sebanyak 300 milimeter (mm) dan memburukkan lagi keadaan, sistem saliran gagal menampung jumlah air hujan yang meningkat mendadak dengan kemampuan menampung hanya antara 150mm hingga 180mm.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak, Chok Moi Soon, berkata stesen taburan hujan di Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) mencatatkan bacaan tertinggi iaitu 308mm, manakala di Batu Tiga, Kampung Nelayan Bako dan Sa-



Keadaan **rumah penduduk yang dinaiki air** di Kampung Tabuan Dayak, Kuching. (FOTO IHSAN BOMBA)

berkas, mencatatkan bacaan antara 200 hingga 242mm.

“Banjir surut pada jam 11 pagi kerana longkang sedia ada mengambil masa mengalirkan air ke kolam tadahan dan sungai,” katanya yang menyarankan sistem pengurusan air hujan dikaji semula bagi menyelesaikan isu banjir kilat menerusi projek pencegahan yang dianggar berharga RM1.6 bilion.

**Sistem perparitan tak mampu tampung air**

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani, berkata banjir kilat tiada kena mengena dengan pintu air di Baraj Sungai Sarawak yang dibuka sejak petang kelmarin, sebaliknya kerana taburan hujan luar biasa dan sistem perparitan tidak mampu menampung air berlebihan.

Menteri Muda Kesihatan Awam Sarawak, Datuk Dr Jerip Susil, pula berkata beberapa blok HUS di tingkat bawah mula dinaiki air sehingga paras satu meter kira-kira jam 6 pagi, antara lain menjejaskan blok pentadbiran dan farmasi di tingkat bawah serta menyebabkan sebahagian dokumen serta rekod pesakit rosak.

“Tiada pemindahan keluar pesakit kerana tingkat bawah bangunan berkenaan hanya menempatkan ruang pejabat,” katanya.